



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 104

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH 1973

Sebagaimana pada 1 November 2018

**AKTA LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU
TENGAH 1973**

| | |
|---|------------------|
| Tarikh Perkenan Diraja | 6 April 1973 |
| Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i> | 12 April 1973 |
| Kali terakhir dipinda melalui Akta A1540 yang mula berkuat kuasa pada | 15 November 2017 |

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

| | |
|---|------|
| <i>Cetakan Semula Yang Pertama</i> | 1994 |
| <i>Cetakan Semula Yang Kedua</i> | 2000 |
| <i>Cetakan Semula Yang Ketiga</i> | 2006 |

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 104

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH 1973

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LEMBAGA

3. Lembaga
4. Fungsi Lembaga
5. Keanggotaan Lembaga
- 5A. Anggota silih ganti
6. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
7. Pekhidmat awam
8. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan
9. Kawasan Terengganu Tengah
10. Fungsi tambahan bagi Lembaga
11. Penyata, laporan, akaun dan maklumat

BAHAGIAN III

BAHAGIAN, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT

12. Pengerusi
13. Pengurus Besar
14. Penyusunan Lembaga kepada Bahagian-Bahagian

Seksyen

15. Pelantikan pegawai dan pekhidmat lain
16. Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat
- 16A. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000
- 16B–16H. (*Dipotong*)

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

17. Penubuhan Kumpulan Wang
18. Pengimbangan akaun hasil
19. Kumpulan wang rizab
20. Perbelanjaan hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
21. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
22. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

BAHAGIAN V

KUASA LAIN LEMBAGA

23. Perwakilan kuasa Lembaga
24. Kuasa untuk meminjam
25. Pelaburan
26. Kuasa untuk mengambil kerja ejen
27. Kuasa untuk memberikan pinjaman
28. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan
- 28A. Kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa
29. Pengambilan tanah secara paksa

BAHAGIAN VI

AM

30. (*Dipotong*)
31. Obligasi kerahsiaan
32. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

Seksyen

32A. Kuasa untuk meminda Jadual

33. Perkara yang dilakukan pada menjangka Akta ini diperbuat

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 104

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH 1973

Suatu Akta untuk memperbadankan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[1 Mei 1973, P.U. (B) 159/1973]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah 1973.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Bahagian” ertinya Bahagian yang ditubuhkan di bawah seksyen 14;

“Kawasan Terengganu Tengah” ertinya mana-mana kawasan yang ditetapkan oleh Menteri mengikut seksyen 9;

“Kumpulan Wang” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 17;

“Lembaga” ertinya Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kemajuan luar bandar dan wilayah;

“Negeri” ertinya Negeri Terengganu;

“pegawai perakaunan” termasuklah tiap-tiap pegawai dan pekhidmat yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan memungut, menerima, atau mengakaunkan, atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaunkan, apa-apa wang Kumpulan Wang, atau yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan membayar, atau yang sebenarnya membayar, apa-apa wang, dan tiap-tiap pegawai dan pekhidmat yang dipertanggungjawabkan dengan penerimaan, penjagaan atau pelupusan, atau pengakaunan, apa-apa barang simpanan dan harta Lembaga atau yang sebenarnya menerima, memegang atau melupuskan barang simpanan dan harta itu;

“Pengarah” ertinya Pengarah sesuatu Bahagian yang ditetapkan di bawah seksyen 14;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 5;

“Pengurus Besar” ertinya Pengurus Besar yang dilantik di bawah seksyen 13;

“perbadanan” ertinya perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28;

“syarikat” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada “perbadanan” di bawah subseksyen 4(1) *Akta Syarikat 1965 [Akta 125]; dan

“Timbalan Pengerusi” ertinya Timbalan Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 5.

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] m.b.p. 31 Januari 2017—lihat subseksyen 620(1) Akta 777.

BAHAGIAN II

LEMBAGA

Lembaga

3. Suatu pertubuhan perbadanan bernama “Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah” ditubuhkan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, boleh membuat kontrak, dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Lembaga mengikut apa-apa terma yang difikirkannya patut.

Fungsi Lembaga

4. (1) Fungsi Lembaga adalah—

- (a) memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Terengganu Tengah;
- (b) memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersial dalam Kawasan Terengganu Tengah; dan
- (c) mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang disebut terdahulu dalam Kawasan Terengganu Tengah.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang disebut terdahulu—

- (a) menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti komersial dan perindustrian, yang penjalanannya didapati oleh Lembaga adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau

berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya yang tersebut itu, termasuk mengilang, memasang, memproses, membungkus, menggred dan memasarkan keluaran, penyelidikan dan latihan;

- (b) mendayausahakan kajian permulaan mengenai kawasan pembangunan dan pembangunan semula yang mungkin dan membuat rancangan permulaan yang menggariskan aktiviti pembangunan atau pembangunan semula dan tinjauan permulaan untuk menentukan sama ada pengusahaan atau penjalanan projek pembangunan atau pembangunan semula dapat dilaksanakan;
- (c) bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen atau ejen pengurus bagi, atau bertindak dengan apa-apa cara lain bersama-sama dengan atau bagi pihak, Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat, mana-mana perbadanan, mana-mana badan atau mana-mana orang;
- (d) memajukan dan menyelaraskan penjalanan apa-apa aktiviti oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat, mana-mana perbadanan, atau mana-mana badan atau orang lain;
- (e) menubuhkan atau memperkembang, atau memajukan penubuhan atau pengembangan, syarikat, perbadanan atau badan lain untuk menjalankan mana-mana aktiviti itu sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa Lembaga atau secara bebas;
- (f) memberikan bantuan kepada mana-mana pihak berkuasa awam, syarikat, perbadanan atau mana-mana badan atau orang lain yang didapati oleh Lembaga mempunyai kemudahan untuk menjalankan mana-mana aktiviti itu, termasuk bantuan kewangan melalui pengambilan modal syer atau pinjaman atau melalui pinjaman atau selainnya;
- (g) membeli, menaja jamin atau dengan apa-apa cara lain memperoleh apa-apa saham dan syer dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian, dan melupuskannya mengikut apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Lembaga;

- (h) menghendaki jabatan, dan agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dalam menjalankan atau bercadang untuk menjalankan pembangunan dalam Kawasan Terengganu Tengah untuk mengemukakan laporan berkenaan dengan aktiviti atau aktiviti yang dicadangkan oleh mereka yang mengandungi apa-apa butir dan maklumat yang dinyatakan oleh Lembaga;
- (i) melantik ejen atau menubuhkan apa-apa badan lain yang difikirkan patut bagi maksud melaksanakan fungsinya;
- (j) mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi melaksanakan mana-mana kuasa atau fungsinya;
- (k) menerima sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya, apa-apa komisen atau bayaran yang dipersetujui;
- (l) mengawal selia pembangunan dalam Kawasan Terengganu Tengah; dan
- (m) melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut bagi membolehkannya menjalankan fungsi dan kuasanya dengan berkesan.

(3) Tertakluk kepada seksyen 8, menjadi tanggungjawab Lembaga dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini memastikan bahawa fungsi itu dilaksanakan mengikut cara yang dapat menjayakan dasar Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dan khususnya dasar yang berhubungan dengan penyusunan semula masyarakat.

Keanggotaan Lembaga

5. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;

- (c) seorang wakil Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kemajuan luar bandar dan wilayah;
- (d) seorang wakil Perbendaharaan dari Kementerian Kewangan;
- (e) seorang wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- (f) tiga orang wakil Kerajaan Negeri;
- (g) empat orang yang, pada pendapat Menteri, sesuai dan dapat menyumbang dalam menjalankan fungsi dan peranan Lembaga; dan
- (h) Pengurus Besar.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi anggota Lembaga.

(3) Perenggan 1, 2 dan 3 Jadual Pertama tidak terpakai bagi Pengurus Besar.

(4) *(Dipotong oleh Akta A1540).*

(5) Apabila jawatan Pengurus Besar kosong, subseksyen (1) hendaklah dibaca seolah-olah perenggan (h) telah dipotong.

Anggota silih ganti

5A. (1) Menteri boleh, berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(c), (d) atau (e), melantik seseorang untuk menjadi anggota silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti anggota itu, mesyuarat Lembaga apabila anggota itu tidak dapat hadir kerana apa-apa sebab.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), anggota silih ganti hendaklah dinamakan oleh anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(c), (d) atau (e), dengan kelulusan Menteri.

(3) Seseorang anggota silih ganti yang menghadiri mesyuarat Lembaga hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai seorang anggota Lembaga.

(4) Seseorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatannya terlebih dahulu atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang baginya dia merupakan anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Lembaga.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

6. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

Pekhidmat awam

7. Semua anggota, pegawai dan pekhidmat Lembaga, semasa menunaikan kewajipan mereka sebagai anggota, pegawai dan pekhidmat Lembaga, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

8. (1) Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri dan Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini dan Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, melaksanakan segala arahan itu.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), dan tertakluk kepada perundingan dengan Lembaga, kuasa Menteri untuk memberikan arahan hendaklah termasuk memberikan arahan kepada Lembaga—

(a) mengenai pelupusan aset modal; dan

(b) mengenai penggunaan hasil daripada pelupusan itu,

walaupun arahan itu mungkin mengenai sesuatu yang tertentu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa arahan boleh diberikan selagi apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga mengikut peruntukan Akta ini masih belum dijelaskan.

Kawasan Terengganu Tengah

9. (1) Bagi maksud Akta ini, Menteri boleh, dengan persetujuan Kerajaan Negeri, dari semasa ke semasa, menetapkan melalui pemberitahuan dalam *Warta* kawasan atau kawasan-kawasan yang dalamnya Lembaga akan melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini dan kawasan atau kawasan-kawasan itu hendaklah dinamakan “Kawasan Terengganu Tengah”.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, menjadi tanggungjawab Lembaga untuk melaksanakan fungsi yang diperuntukkan oleh Akta ini dalam Kawasan Terengganu Tengah.

Fungsi tambahan bagi Lembaga

10. Sebagai tambahan kepada kewajipan yang dikenakan ke atas dan kuasa yang terletak hak pada Lembaga oleh Akta ini, Lembaga boleh menjalankan apa-apa fungsi lain, menjalankan apa-apa kuasa lain dan mentadbirkan dan membelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud yang mungkin diuntukkan atau diberikan kepadanya oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan dalam melakukan yang demikian Lembaga hendaklah disifatkan memenuhi maksud Akta ini dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi Lembaga berkenaan dengan fungsi itu dan berkenaan dengan pentadbiran dan pembelanjaan wang itu:

Dengan syarat sentiasa bahawa akaun bagi wang itu hendaklah disimpan berasingan dan berlainan daripada akaun Kumpulan Wang.

Penyata, laporan, akaun dan maklumat

11. (1) Lembaga hendaklah memberi Menteri dan mana-mana orang, kumpulan orang atau pihak berkuasa awam lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti Lembaga sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan, jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, kepada Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa awam lain, suatu laporan yang memperkatakan aktiviti Lembaga sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya dan mengikut apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan perjalanan dan dasar Lembaga sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN III

BAHAGIAN, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT

Pengerusi

12. (1) Pengerusi hendaklah bertanggungjawab bagi penyeliaan dan pengawalan pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga.

(2) Pengerusi boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang difikirkannya patut, mewakili kuasa, kewajipan atau fungsinya kepada mana-mana anggota lain, mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga untuk menjalankan kuasa, kewajipan atau fungsi yang terletak hak pada atau dipertanggungjawabkan ke atas Pengerusi di bawah Akta ini sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(3) Pengerusi hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain atau kewajipan tambahan yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(4) Jika Pengerusi tidak ada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang cukup untuk melaksanakan kewajipannya, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan kewajipan Pengerusi itu semasa Pengerusi tidak ada buat sementara atau tidak berupaya kerana apa-apa sebab lain itu.

Pengurus Besar

13. (1) Menteri hendaklah melantik seorang Pengurus Besar mengikut apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Pengurus Besar hendaklah bertanggungjawab bagi—

(a) pentadbiran dan pengurusan Lembaga;

(b) perancangan dan pelaksanaan apa-apa program, skim atau projek; dan

(c) pelaksanaan apa-apa keputusan Lembaga.

(3) Pengurus Besar hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri dan Lembaga.

(4) Pengurus Besar hendaklah mempunyai kawalan pentadbiran ke atas pegawai dan pekhidmat Lembaga.

(5) Pengurus Besar hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain atau tambahan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri atau Lembaga.

(6) Jika Pengurus Besar tidak ada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang cukup untuk melaksanakan kewajibannya, Lembaga boleh mengarahkan mana-mana anggota atau pegawai atau pekhidmat Lembaga untuk melaksanakan kewajipan Pengurus Besar itu semasa Pengurus Besar tidak ada buat sementara atau tidak berupaya kerana apa-apa sebab lain itu.

(7) Pengurus Besar boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang difikirkannya patut, mewakilkan kuasa, kewajipan atau fungsinya kepada mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga untuk menjalankan kuasa, kewajipan atau fungsi itu yang terletak hak pada atau dipertanggungjawabkan ke atas Pengurus Besar di bawah Akta ini sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus Besar dan pewakilan kuasa itu—

(a) tidak menghalang Pengurus Besar daripada melaksanakan atau menjalankan, pada bila-bila masa, mana-mana kuasa, kewajipan atau fungsi yang diwakilkan sedemikian; dan

(b) hendaklah dilakukan atas nama Lembaga.

Penyusunan Lembaga kepada Bahagian

14. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa Bahagian sebagaimana yang difikirkannya wajar, dan setiap Bahagian hendaklah diletakkan di bawah kawalan dan jagaan seorang pegawai eksekutif yang dinamakan “Pengaruh”.

(2) Pengarah bagi setiap Bahagian hendaklah dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(3) Menjadi tanggungjawab Pengarah Bahagian yang berkenaan untuk melaksanakan dan menjalankan keputusan Lembaga mengenai perkara yang berkaitan dengan Bahagiannya, mengemukakan syor-syor dasar untuk pertimbangan Lembaga, mengambil bahagian, tanpa hak mengundi, dalam mana-mana mesyuarat Lembaga apabila perkara yang berkaitan dengan Bahagiannya ditimbang dalam mesyuarat itu dan juga untuk menjalankan segala kuasa yang boleh diwakilkan kepadanya oleh Lembaga.

Pelantikan pegawai dan pekhidmat lain

15. (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 16, Lembaga boleh melantik atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan wajar oleh Lembaga pegawai dan pekhidmat lain yang perlu bagi menjalankan maksud Akta ini.

(2) Tiada seorang pun layak diambil khidmat sebagai pegawai atau pekhidmat Lembaga, yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui pekongsinya, apa-apa syer atau kepentingan mengenai apa-apa kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Lembaga.

(3) Mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga yang mempunyai atau memperoleh apa-apa syer atau kepentingan boleh, menurut budi bicara Lembaga, dibuang kerja secara terus tanpa notis.

Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat

16. (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan bagi pegawai dan pekhidmatnya.

(2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya, sebutan mengenai seorang pegawai Lembaga dalam Akta ini hendaklah termasuk sebutan mengenai Pengurus Besar dan Pengarah.

Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000

16A. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] hendaklah terpakai bagi Lembaga.

16B—16H. (*Dipotong oleh Akta A1540*).

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Penubuhan Kumpulan Wang

17. (1) Bagi maksud Akta ini, ditubuhkan suatu kumpulan wang yang akan ditadbirkan dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa bagi maksud itu oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri;
- (b) apa-apa jumlah wang yang diuntukkan dari semasa ke semasa kepada Lembaga daripada kumpulan wang pinjaman;
- (c) wang yang didapati daripada pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (d) wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau yang terletak hak pada Lembaga;
- (e) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau yang terletak hak pada Lembaga;

- (f) jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga bagi maksud memenuhi apa-apa obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya; dan
- (g) segala wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada, atau terletak hak pada, Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kuasa dan kewajipannya.

(3) Dalam seksyen ini ungkapan “kumpulan wang pinjaman” ertinya apa-apa wang yang boleh diadakan dari semasa ke semasa kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri melalui pinjaman.

Pengimbangan akaun hasil

18. Menjadi kewajipan Lembaga untuk memelihara Kumpulan Wang dengan menjalankan, melaksanakan dan menunaikan kuasa, fungsi dan kewajipannya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Lembaga, tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Menteri di bawah seksyen 8, mencukupi untuk membayar segala wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk, tanpa menjejaskan keluasan ungkapan itu, peruntukan berkenaan dengan obligasinya di bawah seksyen 17 dan 19 dan susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Kumpulan wang rizab

19. Lembaga hendaklah menubuhkan dan menguruskan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang.

Perbelanjaan hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang

20. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

- (a) membayar segala perbelanjaan yang dilakukan di bawah seksyen 25;
- (b) memberikan pinjaman di bawah seksyen 27;

- (c) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Lembaga, termasuk bayaran ukur, guaman dan fi lain dan kos, dan saraan bagi pegawai dan pekhidmat yang dilantik dan diambil khidmat oleh Lembaga, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran;
- (d) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau dipersetujui dengan sepatutnya oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah seksyen 4;
- (e) membeli atau menyewa loji, kelengkapan, jentera, barang-barang dan apa-apa bahan lain dan memperoleh tanah dan mendirikan bangunan dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain pada melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah seksyen 4;
- (f) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atasnya; dan
- (g) pada amnya, membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

21. (1) Perbelanjaan Lembaga setakat amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi projek pembangunan) bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri; dan sebelum permulaan tahun yang berikutnya itu Menteri hendaklah memberitahu Lembaga mengenai amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa, mengemukakan suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun kepada Menteri dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

(4) Menteri boleh mengarahkan Lembaga supaya mengemukakan suatu anggaran atau anggaran tambahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Kerajaan Negeri atau kepada mana-mana orang lain yang dinyatakan dalam arahan itu.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

22. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Lembaga dan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN V

KUASA LAIN LEMBAGA

Pewakilan kuasa Lembaga

23. (1) Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang difikirkannya patut, mewakilkan kuasa kepada Pengerusi, Pengurus Besar atau mana-mana orang lain kuasa dan autoriti untuk menjalankan bagi pihaknya apa-apa kuasa, kewajipan atau fungsi yang diletakhakkan atau dipertanggungjawabkan oleh Akta ini pada atau ke atas Lembaga sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, kecuali kuasa untuk meminjam wang, memperdapatkan pinjaman atau membuat peraturan-peraturan; dan apa-apa kuasa atau fungsi yang diwakilkan demikian boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh Pengerusi atau Pengurus Besar atau orang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga boleh mewakilkan autoriti kepada Pengerusi, Pengurus Besar, mana-mana anggotanya yang lain atau mana-mana orang untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau mana-mana wang lain di bawah kawalan Lembaga hingga takat yang dinyatakan oleh Lembaga dalam hal itu.

Kuasa untuk meminjam

24. (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa meminjam, pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya.

(2) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, meminjam wang melalui pengeluaran bon, debentur atau saham debentur, atau mendapatkan modal dengan mengeluarkan syer atau saham daripada apa-apa kelas dan nilai dan atas apa-apa terma yang difikirkannya suai manfaat bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) peruntukan modal kerja;
- (b) penunaian kewajipan Lembaga di bawah Akta ini;
- (c) pelaksanaan apa-apa fungsi tambahan yang diusahakan oleh Lembaga di bawah Akta ini;
- (d) penebusan apa-apa syer atau saham yang Lembaga dikehendaki atau berhak menebusnya; dan
- (e) apa-apa perbelanjaan lain yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun modal.

Pelaburan

25. Aset Lembaga hendaklah, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut cara yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Kuasa untuk mengambil khidmat ejen

26. Lembaga boleh mengambil khidmat dan membayar ejen dan penasihat teknikal termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank, broker saham, juruukur atau penilai atau orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan pada menunaikan kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik.

Kuasa untuk memberikan pinjaman

27. Dalam menunaikan kewajipannya atau dalam melaksanakan fungsinya Lembaga boleh memberikan pinjaman, dan pinjaman itu boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan oleh Lembaga patut dikenakan dalam hal tertentu.

Kuasa untuk menubuhkan perbadanan

28. (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* menubuhkan suatu perbadanan dengan apa-apa nama yang difikirkan patut oleh Lembaga untuk melaksanakan dan untuk menjaga, mengelolakan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dirancang atau diusahakan oleh Lembaga pada menunaikan kewajipannya atau pada melaksanakan fungsinya.

(2) Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).

Kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa

28A. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan oleh Lembaga perlu atau suai manfaat untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Jadual Ketiga hendaklah terpakai bagi tiap-tiap jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).

Pengambilan tanah secara paksa

29. (1) Apabila apa-apa harta tak alih yang bukan tanah Kerajaan perlu diambil oleh Lembaga bagi maksud Akta ini, harta itu boleh diambil mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengambilan tanah bagi sesuatu maksud awam, yang sedang berkuat kuasa di Negeri itu, dan apa-apa perisytiharan yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis itu bahawa tanah itu diperlukan sedemikian boleh dibuat walaupun pampasan akan dibayar oleh Lembaga; dan perisytiharan itu hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah perisytiharan itu ialah suatu perisytiharaan bahawa tanah itu diperlukan bagi suatu maksud awam mengikut undang-undang bertulis itu.

(2) Perbelanjaan dan pampasan berkenaan dengan mana-mana harta tak alih yang diambil di bawah seksyen ini hendaklah dibayar oleh Lembaga.

(3) Apabila apa-apa harta tak alih telah diambil di bawah seksyen ini, Lembaga hendaklah mengambil cabutan dokumen hakmilik yang perlu berkenaan dengan harta itu dan hendaklah membayar apa-apa cukai yang dikenakan atas harta itu.

BAHAGIAN VI

AM

30. *(Dipotong oleh Akta 478).*

Obligasi kerahsiaan

31. (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding jenayah di bawah Akta ini, tiada seorang pun anggota, pegawai atau pekhidmat Lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah diperolehnya semasa menjalankan kewajibannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

32. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan di bawah subseksyen itu boleh dibuat bagi—

- (a) menetapkan cara yang apa-apa jenis dokumen, cek dan surat cara hendaklah ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Lembaga;

- (b) menetapkan tanggungjawab dan kawalan pegawai dan pekhidmat Lembaga;
 - (c) mengenakan fi dalam apa-apa hal yang ditentukan oleh Lembaga;
 - (d) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara yang berkaitan dengan syer, saham, bon, debentur atau saham debentur yang dikeluarkan di bawah Akta ini yang didapati oleh Lembaga adalah perlu atau suai manfaat, dan, khususnya, bagi mengawal selia kaedah pengeluaran, pemindahan hakmilik, penebusan, atau urusan lain mengenai syer, saham, bon, debentur atau saham debentur itu;
 - (e) menetapkan cara dan terma dan syarat bagi pinjaman yang diberikan oleh Lembaga di bawah seksyen 27; dan
 - (f) mengadakan peruntukan pada amnya mengenai perjalanan kuasa dan penunaian kewajipannya di bawah Akta ini.
- (3) Peraturan-peraturan itu —
- (a) boleh menetapkan bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar peruntukan mana-mana peraturan hendaklah menjadi suatu kesalahan; dan
 - (b) boleh mengadakan peruntukan bagi pengenaan penalti untuk kesalahan itu, dan penalti itu tidak boleh melebihi satu ribu ringgit.

Kuasa untuk meminda Jadual

32A. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, meminda mana-mana Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

33. Segala perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Lembaga sebagai persediaan ke arah pelaksanaan yang sepatutnya Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya pada menjangkakan Akta

ini diperbuat hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Akta ini; dan segala hak dan obligasi yang diperoleh atau ditanggung bagi pihak Lembaga daripada apa-apa yang dilakukan sedemikian atau apa-apa perbelanjaan yang dilakukan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai hak dan obligasi Lembaga apabila Akta ini mula berkuat kuasa.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 5(2)]

Terma dan syarat pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan

1. (1) Seseorang anggota Lembaga hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Menteri dalam surat cara pelantikannya.

(2) Pelantikan mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(3) Seseorang anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditujukan kepada Menteri.

(4) Seseorang anggota hendaklah menumpukan masanya kepada urusan Lembaga sebagaimana yang perlu bagi menunaikan kewajibannya.

Jawatan disifatkan sebagai telah dikosongkan

2. (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong—

(a) jika anggota itu mati;

(b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;

- (c) jika anggota itu menjadi bankrap;
- (d) jika anggota itu tidak sempurna akal atau kerana apa-apa sebab lain tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (e) jika anggota itu tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Lembaga;
- (f) sekiranya peletakan jawatan anggota itu diterima oleh Menteri; atau
- (g) jika pelantikan anggota itu dibatalkan.

(2) Jika mana-mana anggota, terhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seseorang hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan yang terpakai.

Saraan dan elaun

3. Hendaklah dibayar kepada anggota Lembaga atau mana-mana orang lain apa-apa gaji, saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga selepas berunding dengan Menteri.

Mesyuarat

4. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tiga bulan.

(2) Kuorum Lembaga ialah enam orang.

(2A) Tiap-tiap anggota Lembaga yang hadir berhak mendapat satu undi.

(3) Dalam semua mesyuarat Lembaga, Pengerusi atau jika dia tidak hadir, Timbalan Pengerusi atau jika kedua-dua orang itu tidak hadir, seorang anggota yang dipilih oleh anggota-anggota yang hadir, hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Jika mengenai apa-apa soal yang hendak diputuskan oleh Lembaga terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus selain undi biasanya.

(5) Tertakluk kepada subperenggan (1), (2), (3) dan (4), Lembaga hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

Lembaga boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

5. Lembaga boleh meminta mana-mana orang (yang bukan anggota Lembaga) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan tersebut.

Meterai perbadanan

6. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga suatu cap yang mengandungi perkataan “Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah” boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan.

(3) Meterai perbadanan atau cap yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah disimpan dalam jagaan Pengurus Besar atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga, dan hendaklah disahkan oleh Pengurus Besar atau oleh orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai tersebut, yang disahkan sebagaimana yang disebut terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau surat cara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Lembaga mengikut cara yang serupa dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(4) Meterai Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Penzahiran kepentingan

7. Seseorang anggota Lembaga yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui pekongsinya, apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau usaha yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat apa-apa kontrak atau yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan kepada Lembaga hakikat dan jenis kepentingannya, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga, dan melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil apa-apa bahagian dalam apa-apa perbincangan atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak itu.

Minit

8. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit semua mesyuarat Lembaga disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang berkenaan dengan perjalanannya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Kesahan perbuatan dan prosiding

9. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan—

- (a) ada kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan Lembaga;
- (b) ada pelanggaran oleh mana-mana anggota Lembaga berhubung dengan penzahiran kepentingan yang dibuat olehnya; atau
- (c) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 28(2)]

Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan

1. Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh apa-apa perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 28, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan—

- (a) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.

Kecualian

2. Tiada apa-apa jua dalam perenggan 1 boleh disifatkan memberi Lembaga kuasa untuk membuat peraturan-peraturan untuk menubuhkan apa-apa perbadanan bagi apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas ruang lingkupnya daripada maksud atau tujuan yang baginya Lembaga itu ditubuhkan atau memberi mana-mana perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau fungsi yang tidak termasuk dalam hak, kewajipan, kuasa atau fungsi Lembaga di bawah Akta ini.

Peraturan-peraturan tertakluk kepada Akta

3. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 32, sesuatu perbadanan hendaklah terikat dengan apa-apa peraturan yang dibuat berkenaan dengannya di bawah perenggan 1 dan peraturan-peraturan itu hendaklah berkuat kuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah diperbuat dalam Akta ini.

Pindaan peraturan-peraturan

4. Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan atau menambah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 berkenaan mana-mana perbadanan dan seksyen 34 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] hendaklah terpakai bagi mana-mana peraturan yang dipinda atau dibatalkan itu seolah-olah peraturan-peraturan itu ialah undang-undang bertulis.

Daftar perbadanan

5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 28 dan daftar itu bersama-sama dengan salinan semua peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah terbuka untuk pemeriksaan awam di tempat atau tempat-tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya.

Penggulungan

6. (1) Lembaga boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendaklah berpindah kepada dan terletak hak pada Lembaga setelah segala liabiliti ditunaikan.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama itu, dan bagi maksud melaksanakan projek pembangunan berdaftar yang kerananya perbadanan itu telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang ditetapkan oleh Lembaga dalam tiap-tiap satu hal itu.

Meterai perbadanan bagi perbadanan

8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh perbadanan itu dengan persetujuan Lembaga, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan itu dengan kelulusan Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan di bawah perenggan ini suatu cap yang mengandungi nama perbadanan itu melingkungi huruf "LKTT" boleh digunakan sebagai suatu meterai perbadanan.

(3) Meterai perbadanan atau cap yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah disimpan dalam jagaan seseorang yang diarahkan oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai tersebut, yang disahkan sebagaimana yang disebut terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau surat cara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan dengan cara yang serupa oleh perbadanan itu; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan itu oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai bagi tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

JADUAL KETIGA

[Subseksyen 28A(2)]

Terma dan syarat pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan

1. (1) Pada menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang dikeluarkan kepada jawatankuasa itu oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa dan memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi suatu jawatankuasa.

(3) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(4) Pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga.

(5) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga.

Mesyuarat

2. (1) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(2) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota jawatankuasa itu untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasanya bagi maksud menasihati jawatankuasa itu tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

(3) Anggota jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subperenggan (2) boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Lembaga.

Tatacara

3. Tertakluk kepada Akta ini, jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 104

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH 1973

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|-------------------------------|---|--|
| Akta A255 | Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 1974 | 14-06-1974 |
| Akta 160 | Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975 | 29-08-1975 |
| Akta A445 | Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 1979 | s.5 01-06-1978, peruntukan selebihnya 16-02-1979 |
| Akta A520 | Akta Lembaga Kemajuan (Pindaan) 1981 | 01-01-1981 |
| Akta 478 | Akta Pembatalan Pengecualian daripada Bayaran Duti-Duti Setem 1992 | 21-02-1992 |
| Akta A967 | Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 1996 | 27-09-1996 |
| Akta A1540 | Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 2017 | 15-11-2017 |

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 104

**AKTA LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU
TENGAH 1973**

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|----------------|---------------|--------------------|
| 2 | Akta A967 | 27-09-1996 |
| | Akta A1540 | 15-11-2017 |
| 5 | Akta A255 | 14-06-1974 |
| | Akta A445 | 01-06-1978 |
| | Akta A520 | 01-01-1981 |
| | Akta A1540 | 15-11-2017 |
| 5A | Akta A1540 | 15-11-2017 |
| 12 | Akta A1540 | 15-11-2017 |
| 13 | Akta A1540 | 15-11-2017 |
| 14 | Akta A1540 | 15-11-2017 |
| 16A—16H | Akta A967 | 27-09-1996 |
| | Akta A1540 | 15-11-2017 |
| 22 | Akta A1540 | 15-11-2017 |
| 28A | Akta A1540 | 15-11-2017 |
| 30 | Akta 478 | 21-02-1992 |
| 31 | Akta 160 | 29-08-1975 |
| 32 | Akta 160 | 29-08-1975 |
| 32A | Akta A1540 | 15-11-2017 |
| Jadual Pertama | Akta A445 | 16-02-1979 |
| | Akta A520 | 01-01-1981 |
| | Akta A1540 | 15-11-2017 |
| Jadual Ketiga | Akta A1540 | 15-11-2017 |
